

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 14 Tahun 2021

PEKELILING PEMAKAIAN PANDUAN PERKHIDMATAN PSIKOLOGI SUMBER MANUSIA SEKTOR AWAM (NORMA BAHARU PERKHIDMATAN PSIKOLOGI) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada warga berkenaan Pemakaian Panduan Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia Sektor Awam (Norma Baharu Perkhidmatan Psikologi) di Universiti Teknologi MARA.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan surat edaran KPT rujukan KPT 500.7/1/3 bertarikh 14 Ogos 2020 berkenaan Panduan Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia Sektor Awam (Norma Baharu Perkhidmatan Psikologi)
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Ke-178 pada 8 Mac 2021 telah bersetuju menerima pakai Panduan Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia Sektor Awam Norma Baharu Perkhidmatan Psikologi tersebut dengan tambahan dibaca bersama Pekeliling Naib Canselor Bil.17/2020 dan arahan pihak Pengurusan UiTM dari semasa ke semasa serta penggunaan aplikasi Saringan C19.

3.0 PELAKSANAAN

Bagi memastikan perkhidmatan psikologi terus dapat dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan selepas pandemik COVID-19, maka, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam telah

mengeluarkan panduan pelaksanaan perkhidmatan psikologi dengan norma baharu pada tahun 2020.

Pemakaian panduan pelaksanaan perkhidmatan psikologi dengan norma baharu ini melibatkan semua warga UiTM dalam kalangan staf dan juga pelajar UiTM.

3.1 Pengurusan Risiko

Langkah pengurusan risiko perlu diberi penekanan sepanjang tempoh pelaksanaan perkhidmatan psikologi:

- (a) Memastikan maklumat klien seperti nama, no. telefon dan tarikh kehadiran direkodkan. Klien perlu mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM dan digalakkan menggunakan aplikasi MySejahtera serta Saring C19 untuk tujuan daftar masuk ke premis UiTM.
- (b) Memberhentikan operasi Pusat Kerjaya & Kaunseling/ Unit Kerjaya & Kaunseling serta-merta dan memaklumkan Ketua Jabatan serta pihak berkuasa sekiranya mana-mana klien yang telah hadir mendapatkan perkhidmatan disahkan positif COVID-19
- (c) Semua staf yang berada di pusat/ unit tersebut perlu segera menjalani saringan COVID-19 dan mematuhi segala arahan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- (d) Melaksanakan pembersihan nyah kuman (sanitasi) di premis yang terlibat dengan segera

3.2 Norma Baharu Perkhidmatan Psikologi

Prinsip umum norma baharu sepertimana yang ditetapkan pihak berkuasa adalah terpakai dalam semua pelaksanaan semua perkhidmatan psikologi sama ada sesi kaunseling, pentadbiran ujian psikologi, latihan dan psikopendidikan serta khidmat rundingan. Prinsip umum norma baharu tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Memakai pelitup muka dan hidung (*face mask*)
- (b) Amalan penjarakan sosial/ fizikal selamat iaitu melebihi 1 meter.
- (c) Memastikan klien telah memenuhi syarat saringan kesihatan sebelum memasuki premis UiTM dengan menyemak suhu badan (tidak melebihi 37.5%) dan berada dalam keadaan sihat.
- (d) Memastikan maklumat klien seperti nama, no. telefon dan tarikh kehadiran direkodkan. Semua klien perlu menggunakan aplikasi MySejahtera dan Saring C19 dengan mengimbas kod QR untuk tujuan daftar masuk ke premis.
- (e) Kerap membasuh tangan menggunakan sabun atau *hand sanitizer*.
- (f) Tiada sebarang sentuhan fizikal (*body contact*) semasa sesi.

Terdapat empat (4) fungsi utama perkhidmatan yang perlu dilaksanakan berdasarkan norma baharu yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan kaunseling
 - (a) Sesi kaunseling bersemuka tidak digalakkan dan disarankan untuk dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi secara maya (*video conferencing*) yang selamat seperti *google meet, zoom*, dan sebagainya.
 - (b) Pegawai Psikologi perlu memastikan persetujuan termaklum (*informed consent*) yang jelas menyatakan limitasi kerahsiaan yang mungkin wujud berikutan pelaksanaan sesi secara atas talian ini.
 - (c) Bagi kes yang perlu diadakan secara bersemuka, contohnya bagi kes yang memerlukan intervensi lanjutan atau apabila sesi secara maya tidak sesuai dilaksanakan seperti kes yang menunjukkan simptom kemurungan, kebimbangan, trauma dan sebagainya, termasuk kes bagi dasar pemisah (*exit policy*) yang serius. Sesi kaunseling bersemuka hendaklah dijalankan dengan mematuhi perkara-perkara berikut:
 - i. Memastikan bilik/ruang bagi pelaksanaan sesi kaunseling mempunyai sistem pengudaraan yang baik;

- ii. Tempoh masa pelaksanaan bagi setiap sesi tidak melebihi 45 minit bagi kaunseling individu dan 1 jam 30 minit bagi kaunseling kelompok;
- iii. Bagi kaunseling kelompok, bilangan klien hendaklah tidak melebihi enam (6) orang dalam satu-satu masa bagi seorang terapis/kaunselor; dan
- iv. Mematuhi kod etika perkhidmatan kaunseling yang ditetapkan.

(ii) Pentadbiran ujian psikologi

- (a) Pentadbiran, penginterpretasian dan pelaporan ujian psikologi digalakkan untuk dilaksanakan secara dalam talian dengan menggunakan sistem ujian psikologi sedia ada di UiTM atau menggunakan pakai sistem ujian psikologi *online* JPA
- (b) Sekiranya ujian psikologi secara dalam talian tidak dapat dilaksanakan, ujian psikologi secara manual hendaklah diberi keutamaan untuk tujuan penting sahaja dengan mematuhi perkara-perkara berikut:
 - i. Saiz bilik/ dewan hendaklah dapat menampung kapasiti orang yang akan mengambil ujian sejajar dengan prinsip penjarakan fizikal selamat;
 - ii. Bilangan maksimum individu yang mengambil ujian pada satu-satu masa disarankan tidak melebihi 30 orang bagi memudahkan sesi penginterpretasian dari dapatan ujian;
 - iii. Peralatan seperti komputer ujian hendaklah dibersihkan selepas digunakan oleh seseorang individu; dan
 - iv. Mematuhi kod etika penggunaan ujian psikologi dalam perkhidmatan awam.

(iii) Latihan dan Psikopendidikan

- (a) Sesi latihan dan psikopendidikan yang merangkumi penyampaian input/ ceramah psikologi secara bersemuka adalah tertakluk kepada tatacara operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Namun

begitu,, pelaksanaan secara maya terutamanya bagi kumpulan yang berisiko adalah digalakkan. Ia boleh dilaksanakan dengan menggunakan aplikasi-aplikasi sedia ada dan boleh dibuat sama ada secara langsung (*live*), platform *webinar* atau secara rakaman video bagi keperluan latihan dan psikopendidikan tersebut.

- (b) Sekiranya dilaksanakan secara bersemuka, SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa hendaklah dipatuhi dan diberi keutamaan. Selain itu, perkara berikut juga perlu diberi perhatian;
 - i. Bilangan peserta/ ahli bengkel hendaklah bersesuaian dengan kapasiti bilik/ruang yang akan digunakan selaras dengan penjarakan fizikal selamat; dan
 - ii. Bilik/ruang perlu dibersihkan setelah sesi/program selesai.
- (c) Selain itu, bahan-bahan edaran bagi tujuan psikopendidikan yang dapat membantu memberikan maklumat dan kemahiran pengurusan kendiri seperti brosur, infografik, video pendek dan sebagainya boleh disediakan dan dimuat naik ke laman sesawang atau media sosial agensi dari semasa ke semasa; dan
- (d) Mengelak sebarang perkongsian atau pengucapan awam yang menyentuh dasar-dasar atau polisi semasa kerajaan, maklumat terperingkat atau rahsia, maklumat tidak sahih, tidak tepat atau maklumat yang bercanggah dengan maklumat yang dikeluarkan oleh pihak berwajib.

(iv) Khidmat runding/ konsultasi psikologi

- (a) Sesi khidmat runding/ konsultasi berkaitan psikologi juga digalakkan untuk dilaksanakan secara maya dengan menggunakan aplikasi-aplikasi sedia ada. Dalam keadaan sesi khidmat runding perlu dilaksanakan secara bersemuka, maka perkara berikut perlu diberi perhatian:

- i. Bilangan individu yang hadir untuk sesi khidmat runding bersemuka tidak boleh melebihi lima (5) orang pada satu-satu masa.
 - ii. Tempoh masa bagi setiap sesi khidmat runding tidak melebihi dua (2) jam.
- 3.3 Selain mematuhi norma baharu yang ditetapkan, Pegawai Psikologi juga perlu memastikan penyampaian perkhidmatan psikologi yang beretika dan profesional tetap diberi keutamaan. Ini penting bagi menjamin hak klien, Pegawai Psikologi dan UiTM sentiasa terpelihara.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling ini dikeluarkan pada 27 Ogos 2021.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Naib Canselor Bil. 17/2020, dan arahan pihak pengurusan UiTM dari semasa ke semasa yang berkaitan.
- 6.2 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua perkhidmatan psikologi yang dilaksanakan kepada semua warga Universiti Teknologi MARA dan **untuk edaran dalaman sahaja**.



PROFESOR TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Menjalankan Fungsi Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian/ Pusat/ Unit
Semua Dekan/ Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian Kejuruteraan
Semua Rektor UiTM Cawangan
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 600-HEP(PKK. 13/2/2)
No. Siri : 100-Uitm (NC 6/2) 14